

## Ramdan Rosli: Dari Pocket Bike Ke Moto 2

Thomas Anak Jana  
Mohammad Syabil Izeq Ismahazani  
Kamarul Azwan Azman  
Wan Abdul Malek Wan Abdullah

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### **Abstrak**

*Artikel ini adalah berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh salah seorang pelumba motosikal profesional negara, Mohd Ramdan bin Mohd Rosli. Ia dirakamkan secara sejarah lisan dan ditulis semula untuk dikongsi bersama pembaca. Ia memaparkan mengenai latarbelakang hidup beliau, penglibatan awal serta kejayaan yang beliau telah dikecapi dalam sukan pemotoran khususnya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Tidak lupa juga mengenai cabaran yang beliau hadapi demi menjulang nama Malaysia dipersada dunia.*

**Kata Kunci:** Mohd Ramdan bin Mohd Rosli, Pelumba Motosikal Profesional, Malaysia

### **Sejarah latar belakang**

Ramdan Rosli atau nama sebenarnya Muhammad Ramdan bin Muhammad Rosli telah dilahirkan pada 24 Januari 1996 di Persiaran Hamzah Alang, Meru, Klang. Anak sulung kepada 4 orang adik beradik pasangan Muhammad Rosli Mat Sudin dan Jamilah Ghazali. Ayahnya berasal dari Meru, Klang manakala ibunya berasal dari Kuala Kerai, Kelantan. Muhammad Rosli

bekerja sebagai mekanik dan membuka sebuah bengkel persendirian manakala Jamilah bertugas sebagai seorang surirumah tangga sepanjang masa.

Muhammad Ramdan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Plong, Sungai Buloh, Selangor. Beliau seterusnya melanjutkan pelajarannya di peringkat menengah di Terengganu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Selangor. Semasa zaman persekolahannya, beliau aktif dalam sukan seperti olahraga, bola sepak dan badminton.

Muhammad Ramdan telah melansungkan perkahwinnya bersama pasangannya, Mariyah Sabini. Isteri beliau berasal dari Kuala Lumpur dan bertugas sebagai Event Management. Beliau mula berkenalan dengan isterinya yang ketika itu sedang menguruskan sebuah majlis di Serdang. Kedua-dua pasangan ini telah pun mendirikan rumahtangga dan kini menetap di Jalan Nenas, Meru. Mohammad Ramdan memilih untuk kekal tinggal di Meru kerana beliau lebih selesa dengan suasana kampung.

Idola sukan lumba motosikal beliau adalah Valentino Rossi, juara dunia dari Itali. Beliau banyak melihat dan belajar cara-cara Rossi menunggang serta skill ketika perlumbaan. Dia berazam untuk berjaya seperti mana yang dilakukan oleh Rossi. Beliau juga merasa bertuah kerana berkesempatan untuk bertemu dan berlumba dengan idolanya di Eropah beberapa kali ketika beliau berlumba sebagai pelumba 'Wild Card'. Selain Rossi, beliau juga berkesempatan untuk berjumpa dengan penunggang ternama yang lain seperti Marc Marquez dan Jorge Lorenzo.

Ayahnya juga turut memberi semangat dan tunjuk ajar kepada beliau kerana ayahnya juga adalah seorang bekas pelumba motosikal. Selain itu, Ahmad Fuad Baharudin, seorang lagi pelumba motor negara, banyak membantu Muhammad Ramdan dengan berkongsi ilmu dan mengajar tentang selok-belok pemotoran. Ini telah menguatkan lagi minat beliau dan ditambah pula dengan sokongan dan galakan dari ibu dan adik beradik beliau. Adik-adiknya akan sentiasa berada di litar ketika beliau berlumba. Selain motosikal, Mohammad Ramdan juga meminati sukan lumba kereta. Beliau menyatakan bahawa sekiranya beliau tidak menjadi pelumba motosikal, berkemungkinan beliau akan menjadi pelumba kereta. Minat beliau kepada motor dan kereta mendorong beliau

menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti berniaga 'half cut' atau kereta potong dan barang-barang bahagian motosikal atau 'spare-parts'. Sekarang ini beliau mengumpul barang-barang bahagian motosikal dan kereta sebagai barang koleksi peribadi beliau.

### **Penglibatan Awal dalam Sukan Pemotoran**

Ramai yang tidak mengetahui bahawa minat beliau terhadap motosikal bermula ketika beliau berusia 8 tahun. Pada waktu itu, beliau selalu aktif di bengkel milik ayahnya. Ayahnya telah membelikan beliau 'pocket bike' atau lebih dikenali dengan 'mini-race bike'. Ketika berusia 11 dan 12 tahun, beliau menjadi juara keseluruhan 'pocket bike' di Malaysia dan pernah diberi tawaran untuk beraksi pada perlumbaan di Eropah. Akan tetapi beliau tidak pergi kerana sudah memulakan latihan bersama motosikal Cubprix.

Perlumbaan pertama yang disertainya adalah di Alor Star, Kedah ketika beliau berusia seawal 13 tahun dengan menyertai Malaysian Cubprix. Dalam perlumbaan ini beliau menggunakan motosikal yang lebih besar dari 'pocket bike'. Ia juga bagi mencuba tahap kemahiran beliau untuk mengendalikan jentera yang lebih besar. Ketika perlumbaan di Air Keroh, Melaka, beliau telah memenangi perlumbaan Cubprix kategori Yamaha 135LC. Ini juga merupakan pertama beliau untuk menaiki podium. Selain itu beliau juga turut berlumba dalam kategori CP 130, CP 115 dan Private Tier.

Dalam tahun 2014, beliau telah terpilih untuk menyertai perlumbaan CEV Sepanyol dalam kategori Moto 3 (Kelas 250 cc) European Championship dan juga kategori Moto 2 (Kelas 600 cc) dalam tahun 2015. Dalam perlumbaan ini, beliau menggunakan motor yang jauh berbeza yang memenuhi spesifikasi motor perlumbaan berbanding cubprix di mana ia lebih merupakan kepada motor pengeluaran. Selain perlumbaan di dalam negara, beliau berkesempatan untuk berlumba di luar negara seperti Jepun, Thailand, Indonesia, Taiwan, China dan Qatar di Asia manakala Jerman, Itali, Sepanyol, Switzerland dan Portugal di Eropah.

Pada awal penglibatan beliau, perbelanjaan perlumbaan ditanggung oleh keluarga kerana beliau tidak mendapat tajaan dari mana-mana pihak. Keadaan ini adalah satu perkara yang biasa dimana seseorang penunggang mestilah menunjukkan 'performance' yang baik dalam perlumbaan sebelum mendapat sebarang penajaan penuh bagi setiap perlumbaan. Setelah setahun menyertai perlumbaan cubprix secara persendirian, barulah beliau mendapat tajaan setelah melihat prestasinya yang memberangsangkan. Petronas AHM telah menaja beliau untuk berlumba selama 4 tahun itu bermula dari tahun 2013 sehinggalah tahun 2016. Beliau juga telah ditaja oleh beberapa penaja lain seperti Satelite TeamPetronas, Yamaha Maju Moto, Yamaha Hong Leong dan terkini 1XOX TKKR SAG Racing Team. Menurut beliau dari 6 penaja tersebut, beliau hanya menyertai 3 pasukan sahaja.

Demi meningkatkan prestasi dan kemahiran, beliau mestilah selalu berlatih untuk persediaan sebelum sesuatu perlumbaan. Litar lumba untuk latihan yang sering beliau gunakan terletak di USJ. Di sinilah tempat beliau mula-mula berlatih dan masih beliau gunakan sehingga sekarang. Beliau juga gemar bersukan seperti berbasikal, berjogging dan bermain badminton di hujung minggu bagi memperbaiki stamina yang perlu untuk kekuatan mental, memperbaiki diri dan rentak serta memberi tumpuan di mana ia juga membantu ketika dalam perlumbaan. Ini terbukti apabila beliau berjaya membuat catatan pantas 2 minit 8 saat di Kejuaraan Moto 2 sebagai 'Wild Card' di Litar Sepang dan menghampiri 3 minit di litar Portugal untuk satu pusingan.

### **Cabaran dan Kejayaan**

Dalam perlumbaan motosikal, risiko kecederaan memang tidak dapat dielakkan. Seperti contoh beliau pernah patah tangan ketika dalam perlumbaan pocket bike dan patah kaki ketika jatuh dalam perlumbaan Cubprix kategori CP 130 sehingga beliau terlepas empat perlumbaan. Kecederaan teruk yang pernah beliau alami ialah ketika jarinya hampir putus dan hancur ketika terlibat dalam kemalangan ketika berlumba.

Bagi seseorang pelumba, tempoh pulih sepenuhnya dari kecederaan akan mengambil masa satu atau dua bulan. Akan tetapi bagi Mohammad Ramdan kerana semangatnya untuk berlumba, beliau hanya menggunakan masa dua minggu sahaja untuk kembali walaupun keadaan dirinya tidak pulih sepenuhnya. Pengorbanan dan usaha keras beliau akhirnya membuahkan kejayaan yang sungguh membanggakan. Beliau telah meraih tempat ke 3 dalam perlumbaan 'European Championship Moto 2' pada 6 April 2019. Kejayaan ini diraih setelah mencuba beberapa kali sebelum ini dan hanya setelah membuat 'comeback' barulah beliau berjaya. Bagi beliau faktor kejayaan ini adalah disebabkan beliau tidak mudah putus asa, fokus dan cuba untuk tidak membuat kesilapan. Kini beliau merancang untuk merialisasikan impiannya untuk menyertai Motor GP Dunia.

Bagi Mohammad Ramdan faktor itu seseorang itu berjaya dalam apa jua bidang mestilah berminat dengan apa yang dilakukan. Sentiasa fokus, tidak mudah putus asa, berkongsi maklumat dan sentiasa bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang. Walaupun ada pihak yang kadang kala memperkecilkan atau memberikan komen yang negatif terhadap sukan pemotoran, namun ia tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan kerjayanya sebagai pelumba.

Bantuan kewangan dari keluarga, penajaan dan imbuhan boleh memberik kesan dan impak kepada 'performance' ketika dalam perlumbaan. Sebagai contoh beliau menerima imbuhan sebanyak RM10,500.00 apabila beliau memenangi Kejuaraan Cubprix manakala pendapatan beliau jika dicampurkan dengan penajaan boleh memcecah sehingga RM 300,000.00 setahun. Malah beliau sanggup berkongsi pengalaman beliau sebagai pelumba dengan menjadi Jurulatih sekiranya beliau tidak terlibat dengan sebarang perlumbaan yang besar. Litar Sepang dan Litar Ayer Keroh dipilih untuk lokasi kerana kesesuaiannya untuk dijadikan tempat latihan. Setiap sesi beliau akan hadkan kepada 10 pelumba dari pelbagai peringkat umur. Dalam sesi ini beliau akan menunjuk cara-cara asas menunggang dan mengendalikan motor terutama motor yang berkuasa tinggi dengan mengenakan bayaran sebanyak RM100.00 untuk sesi latihan selama 30 minit.

**Penutup**

Kerajaan mungkin boleh menimbangkan untuk membina lebih banyak litar lumba yang bertaraf antarabangsa seperti yang dinyatakan oleh Mohd Ramdan dalam melahirkan para pelumba yang professional malah ia juga dapat membentras aktiviti lumba haram di negara. Di Malaysia hanya terdapat satu litar yang bertaraf antarabangsa manakal di Eropah terdapat lima atau enam litar. Ini bukan sahaja menarik minat anak-anak muda untuk menceburi bidang sukan pemotoran malah ia juga boleh membawa keuntungan kepada negara dari segi penajaan, jualan tiket, bilangan pelancong yang datang sambil menyaksikan perlumaan dan sebagainya. Di Eropah, para pelumba seawal usia 13 tahun mula menggunakan 'specific race bike'. Pendedahan awal ini banyak membantu mereka untuk terus berjaya menjadi perlumba yang terkenal. Ini berbeza seperti di Malaysia di mana para pelumba pada usia tersebut hanya berlumba menggunakan 'motorcub'. Ini menyebabkan para pelumba kita tidak mendapat pendedahan awal seperti mana para pelumba di Eropah. Ia juga menangkis tanggapan bahawa sukan pemotoran ini tidak mempunyai hala tuju dan masa depan. Sebagai contoh, Velentino Rossi sungguhpun sudah berusia 38 tahun tapi masih mampu untuk berlumba, mempunyai tempat untuk berlatih dan melatih pelumba-pelumba untuk menjadi seperti beliau.

**Rujukan**

Mohd Ramdan Mohd Rosli, temubual personal, 12 April 2019

Berita Harian. (2018. Januari 3). Ramdan Galas Misi Lebih Besar. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/sukan/litar/2018/01/370439/ramdan-galas-misi-lebih-besar>

Mstar. (2015, Julai 9). Moto 2: Ramdan Raih Mata Di Litar Aragon. Retrieved from <https://www.mstar.com.my/sukan/2015/07/09/ramdan-raih-mata/#f1Da1LXBwvBI0I8W.99>

Berita Harian. (2019, April 8). Ramdan akhiri saingan Moto2 Eropah di tangga ketujuh. <https://www.bharian.com.my/sukan/litar/2019/04/550071/ramdan-akhiri-saingan-moto2-eropah-di-tangga-ketujuh>

Ramdan Rosli. Retrived from Facebook.com/ramdan rosli.